



## JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

### PROGRAM LATIHAN PENYELIA PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA

Kuala Lumpur - Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dengan kerjasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) telah menandatangani satu Memorandum bagi membangunkan modul latihan dan kemahiran kepada Penyelia Penginapan dan Kemudahan Pekerja selaras dengan kehendak Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446].

Program ini bertujuan memberikan latihan dan kemahiran yang diperlukan oleh seorang penyelia dalam aspek keselamatan dan kesihatan bagi membolehkan penyelia melaksanakan tugas sebagai Orang Yang Bertanggungjawab (OYB) terhadap penginapan dan juga pekerja yang ditempatkan di sesebuah penginapan.



Sebagaimana yang digariskan dalam Akta 446, OYB bukan sahaja bertindak sebagai orang tengah kepada majikan dan pekerja tetapi OYB juga turut menggalas tugas sebagai orang yang memastikan bahawa penginapan yang diduduki adalah selamat dari semua aspek dan para pekerja yang mendiami penginapan tersebut berada dalam keadaan selamat, sihat dan harmoni.

NIOSH selaku institusi bertauliah dan berpengalaman luas dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan diberikan kepercayaan penuh untuk menyediakan modul ini dan seterusnya memberikan latihan kepada para penyelia bagi membantu para majikan mengenalpasti sebarang hazard atau bahaya dan mengambil langkah sewajarnya dalam mengendalikan sebarang isu berkaitan keselamatan dan kesihatan di sesebuah penginapan.



Memorandum ini merupakan antara langkah strategik jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia dalam mengoptimumkan fungsi kementerian dan juga memastikan bahawa keselamatan dan kesihatan komuniti perburuhan sentiasa terjamin.

